

- (b) syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; atau
- (c) syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi empat puluh sembilan peratus (49%) dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.

6.3.4 Kerja kejuruteraan mekanikal, elektrik dan kerja pakar yang diperuntukkan di bawah Wang Kos Prima atau Wang Peruntukan Sementara dikecualikan daripada keperluan di para 6.3.2 dan dikehendaki dipelawa secara terbuka. Bagaimanapun kontraktor Bumiputera diberi keutamaan. Walau bagaimanapun, bagi kerja-kerja mekanikal dan elektrik yang bernilai kurang dari RM500,000, sebut harga hendaklah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera sahaja. Kontraktor bukan Bumiputera hanya boleh dipelawa sekiranya bilangan kontraktor Bumiputera yang berkelayakan di bawah tajuk, kelas dan bidang yang berkenaan adalah kurang daripada lima (5).⁶

6.4 Tender Terhad

- 6.4.1 Dalam keadaan di mana kerja perlu dilaksanakan segera atau atas sebab-sebab keselamatan, tender boleh dipelawa secara tender terhad dikalangan kontraktor Bumiputera yang layak. Pemilihan kontraktor-kontraktor yang layak dan kelulusan tender bagi tender yang tidak melebihi RM10 juta hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Perolehan Jabatan dan bagi tender yang melebihi had nilai yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Kewangan⁷.
- 6.4.2 Setiap permohonan untuk tender terhad hendaklah dibuat dengan memberi butir-butir seperti berikut⁸:
- (a) Tajuk kerja.
 - (b) Skop kerja.
 - (c) Anggaran kos kerja.
 - (d) Kelas, kepala serta subkepala pendaftaran yang dikehendaki.

⁶ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4/1995 bertarikh 12 April 1995

⁷ Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2009

⁸ Surat KPKR Bil.(38)dlm JKR.kpkr.020.050/03 klt bertarikh 24/11/2005